

Submission date: 03/01/2020

Accepted date: 1/04/2020

**KEFAHAMAN PENGETUA CEMERLANG TERHADAP AMALAN
PENGURUSAN ISLAM DI SEKOLAH***The Understanding of Principal in Islamic Management at School*Siti Sumaiyya Salim
Universiti Putra Malaysia

ct_sumaiyya@gmail.com

Abstrak

Kajian berkenaan dengan kefahaman pengetua cemerlang terhadap pengurusan Islam adalah sangat penting dalam memastikan sistem persekolahan mencapai objektif dan visi sekolah. Kemajuan dan kecemerlangan sekolah bergantung kepada strategi pengurusan pengetua yang cekap dan berkualiti serta kefahaman yang mendalam dalam mentadbir sesebuah sekolah dengan berlandaskan pengurusan Islam. Kajian ini adalah tertumpu kepada pengetua cemerlang pada beberapa buah sekolah di Negeri Sembilan, Malaysia. Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah kualitatif. Hasil dapatan kajian menunjukkan kefahaman pengetua cemerlang dalam pengurusan Islam merangkumi tiga konsep iaitu tawhidik, budaya Itqan dan nilai insan. Ia menggambarkan pengetua cemerlang merupakan pemimpin dalam sesebuah organisasi terutamanya organisasi yang berteraskan Islam perlulah memahami dan mengamalkan ajaran Islam dengan lebih tulus bagi meningkatkan sistem persekolahan yang cemerlang.

Kata Kunci: Pengurusan Islam, kefahaman Islam, pengamalan Islam.

Abstract

Studies on the understanding of good principals in Islamic management are crucial in ensuring that the school system meets the school's objectives and vision. The success of the school depends on the efficient and quality management strategies of the principals as well as the deep understanding of managing a school based on Islamic management. This study is focused on principals at several schools in Negeri Sembilan, Malaysia. The research method used is qualitative. The results of this study show that the principal's understanding of Islamic management encompasses three concepts namely *tawhidik*, *itqan* and human values. It depicts the principal

who is a leader in an organization, especially in an Islamic-based organization, who needs to understand and practice the teachings of Islam more effectively in order to improve the school system performance.

Keywords: Islamic Management, Islamic understanding, Islamic practices.

PENGENALAN

Pada alaf 21, dunia pengurusan organisasi semakin mencabar dan kompleks (Ayob, 2005). Pengurusan yang berkualiti dan mampan adalah penting untuk memastikan sebuah organisasi dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan terutamanya dalam konteks pendidikan. Ia adalah sebuah institusi sosial yang memainkan peranan penting dalam usaha mencapai matlamat sosial, terutamanya dalam aspek pengurusan yang kini keutamaan. Pengurusan yang baik adalah melambangkan kemajuan sesebuah sekolah dan berfungsi secara langsung dalam pengurusan dan kepimpinan (Mohamed Sulaiman et al., 2014)

Peranan pengetua sekolah pada masa kini, mempunyai pelbagai cabaran yang dihadapi. Cabaran pengetua bukan sahaja dari segi merangka satu bentuk pengurusan sekolah yang berkualiti tetapi memerlukan usaha yang jitu dan mantap bagi pelaksanaan atau amalan pengurusan yang berkesan. Tambahan lagi dengan faktor daya saing yang kompetitif sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Kecemerlangan sesebuah organisasi sekolah tidak dapat diwarisi atau diperolehi secara kebetulan (Misyati, 2011) tetapi ia berkait rapat dengan kepekaan ketua institusi tersebut dalam melaksanakan amalan pengurusan dengan baik dan teratur. Laporan Jemaah Nazir Sekolah (2004) menyatakan bahawa kecemerlangan sekolah dengan kecemerlangan pengurusan dan kepimpinan mempunyai hubungkait yang dalam pengurusan sekolah. Dalam erti kata lain, kemajuan dan kecemerlangan organisasi bergantung kepada strategi pengurusan pengetua yang cekap dan berkualiti serta kefahaman yang mendalam dalam mentadbir sesebuah sekolah.

Dalam mencapai pengurusan yang berkualiti, Islam telah menyediakan umatnya dengan sebuah sistem hidup yang lengkap untuk sepanjang zaman. Sistem pengurusan ini telah melalui fasa sejarah yang panjang bermula dengan agama Islam diperkenalkan kepada manusia sebagai pegangan dan panduan hidup di muka bumi ini (Razaleigh, 2015). Oleh itu, konsep pengurusan Islam perlu difahami sedalam-dalamnya kerana pelaksanaannya menjangkau ideologi moden dan sifatnya yang universal mencakupi keseimbangan dunia dan akhirat sehingga mudah diadaptasi dalam corak pengurusan moden sekarang.

Strategi pengurusan Islam amat penting bagi sesebuah sekolah agar dapat beroperasi secara sistematik ke arah matlamat *al-falah* di dunia dan di akhirat (Izzaty, Ahmad

dan Zulkefli, 2015). Pengurus yang merujuk kepada al-Quran yang *syumul* pasti melaksanakan satu bentuk pengurusan istimewa dan lebih terhadap kerana adab dan akhlak digabungkan dengan keseluruhan elemen dalam organisasi dan dijadikan teras utama menuju kejayaan. Sehubungan itu, kefahaman pengurusan Islam oleh pengetua cemerlang membawa perubahan yang efektif dan memberi sumbangan besar kepada kecemerlangan sekolah (Ibrahim & Don, 2014).

Amalan Pengurusan

Amalan pengurusan merujuk kepada aktiviti dan peranan yang dilakukan secara konsisten dan berterusan semasa pengurus melakukan tugas-tugas pengurusan. (Mintzberg, 1980). Menurut Maizura (2015) pula, dalam organisasi pendidikan, amalan pengurusan merujuk kepada soal perlakuan, tindakan dan perbuatan bertingkah laku moral yang dilakukan berdasarkan kefahaman dan penghayatan individu dengan menjadikan perbuatan tersebut sebagai aktiviti yang berterusan dalam kehidupan seharian. Sehubungan itu, amalan dalam konteks kajian ini merujuk kepada tindakan yang diguna pakai oleh pengetua secara konsisten berdasarkan kefahaman dan penghayatannya terhadap sistem pengurusan Islam sepanjang proses mengurus dan mentadbir untuk menentukan hala tuju sekolah.

Pengurusan Islam

Menurut ulamak terkenal Al-Buraey (1985), pengurusan merupakan penyelarasan tenaga manusia untuk mencapai matlamat kelompok sebagai makhluk sosial yang perlu berinteraksi antara satu sama lain. Dalam konteks kajian ini, pengurusan Islam dilihat sebagai proses pengurusan yang mencakupi beberapa prinsip penting seperti kuasa dan pertanggungjawaban, penurunan kuasa, disiplin dan iltizam, keadilan dan persamaan serta semangat berpasukan. Pengurusan Islam adalah landasan yang kuat dan sangat relevan kerana bersumberkan al-Quran dan as-sunnah. Oleh itu, fokus kajian ini ialah meneroka kefahaman pengetua cemerlang terhadap pengurusan Islam dalam mentadbir sekolah bagi mencapai matlamat yang ditetapkan melalui konsep pengurusan Islam.

PENYATAAN MASALAH

Pengetua merupakan elemen terpenting dalam menentukan keberkesanan sesebuah sekolah daripada keadaan biasa kepada sekolah yang berkesan dan cemerlang (Faisal, 2016; Nadiah & Azlin, 2014). Kemahiran pengetua dalam memanipulasikan segala kuasa pasti dapat menangani perubahan (Mohd Rofidzan, 2008). Jemaah Nazir Sekolah (2004) dalam penaziran ke sekolah-sekolah juga sependapat bahawa sekolah yang cemerlang berkait rapat dengan pengurusan dan kepimpinan cemerlang pengetuanya. Namun demikian, masih terdapat sekolah yang gagal menampilkan kualiti pengurusan yang baik.

Sorotan kajian lepas memperlihatkan bahawa sistem pengurusan organisasi yang sedia ada masih pada tahap minimum, lebih berorientasikan pelanggan dan berfokus kepada penghasilan output atau produk semata-mata (Hasan al-Banna et al., 2013). Begitu juga dengan Natijah ISO dalam *Total Quality Management* menekankan kepuasan pelanggan dan penghasilan output iaitu impak lahiriah sahaja (Ooi et al., 2007; Jun & Cai, 2010; Rodriguez-Anton & Alonso-Almeida, 2011). Manakala dapatan kajian Rahman & Bullock (2005) dan Fotopoulos & Psomas (2009) menunjukkan bahawa hasil pengurusan kurang memberi kesan terbaik terhadap aspek dalaman yang bersifat spiritual (*soft factors*). Tambahan lagi, sistem pentadbiran dan pengurusan pendidikan masih terikat kepada sistem birokrasi berpusat yang ketat (Hussein, 2012), dimana segelintir golongan para profesional dan pengurusan masih bersikap konservatif, tradisional, klasikal dan birokratik (Hussein, 2012). Dapatan kajian Azlin (2006), menyatakan bahawa pengetua masih kurang proaktif, kreatif dan inovatif serta hilang fokus kepada matlamat pengurusan sebenar kerana sering kali menghadapi masalah yang sama. Manakala, terdapat kepincangan ketua dalam sesebuah organisasi sehingga menimbulkan pelbagai masalah komunikasi, konflik dan krisis dalaman yang berpanjangan hingga menggugat aspirasi bersama (Siti Sarawaty, 2006).

Azlin (2006) juga melaporkan pengetua kurang bersikap terbuka terhadap perubahan dan pasif dalam menangani masalah rutin pengurusan. Ditambah lagi dengan masalah dalam menyediakan dan mengikuti perancangan setiap aktiviti kerana sibuk memenuhi tuntutan menghadiri mesyuarat, perjumpaan, majlis dan pelbagai komitmen lain di luar sekolah (Bity Salwana, 2009; Maimunah, 2005). Akibatnya, mereka tidak mempunyai banyak masa dan ruang untuk memberi perhatian terhadap organisasi sekolah, khususnya dalam aspek kurikulum dan pengajaran (Mohd Suhaimi & Zaidatul Akmaliah, 2007; Azlin, 2006).

Statistik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2013 menunjukkan amalan pengurusan pengetua masih pada tahap sederhana dan tidak mampu menghadapi pelbagai cabaran dan harapan masa depan. Laporan menunjukkan 55% pengetua kurang bersedia menjalankan tugas-tugas kepengetuaan kerana bersikap '*resistant to change*' dan tidak bersedia dari segi mental untuk mengharungi perubahan bagi meningkatkan kualiti profesionalisme masing-masing. (Hussein, 2014). Ditambah dengan isu gejala negatif seperti kronisme, penyalahgunaan kuasa, rasuah, tekanan perasaan, malas, penipuan, kurang integriti dan lain-lain kes disiplin (Hasan al-Banna et al., 2013). Hal ini menimbulkan persoalan keberkesanan program pembangunan kepimpinan untuk melahirkan pengurus yang cekap bagi mengemudi organisasi (Adanan & Khairunneezam, 2012).

Justeru, bagi mencapai matlamat untuk mewujudkan sistem organisasi sekolah yang

berkesan, suatu bentuk pengurusan perlu diberi penekanan. Abdul Aziz (2007) menyatakan keperluan memahami dan menghayati paradigma Tauhid dalam setiap praktis pengurusan perlu disepadukan antara teori dan amali, roh dan akal serta hati dan budi untuk menjamin keberkesanan yang jitu. Kajian Hassan al-Banna, Ab Mumin & Siti Arni (2013) jelas menyatakan bahawa pengurusan yang lebih holistik dan penekanan aspek dalaman atau kemanusiaan dijadikan panduan sempurna dan alternatif baru untuk mempertingkatkan sistem pengurusan. Selain itu, struktur pengurusan sesebuah sekolah seharusnya memiliki ciri-ciri kebestarian ke arah kecemerlangan duniawi dan ukhrawi.

Pengetua yang cemerlang mampu menyelesaikan masalah dalaman dan luaran, membimbing dan membius hala tuju yang betul secara klinikal dengan mempraktikkan amalan pengurusan Islam. Amalan bekerjasama ditekankan di samping perancangan yang teliti untuk mencapai matlamat organisasi secara holistik. Pengurusan Islam merupakan jawapan kepada masyarakat dunia amnya dan dunia Islam khususnya tentang kaedah pengurusan berkesan, juga merupakan jalan keluar kepada kemelut pengurusan kontemporari. Dengan ini tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti sejauh mana kefahaman pengetua cemerlang tentang amalan pengurusan Islam di sekolah.

METODOLOGI

Kajian ini berbentuk suatu penerokaan tentang pemahaman pengetua cemerlang berkenaan amalan pengurusan Islam di sekolah menengah di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes, iaitu satu kes pelbagai lokasi. Menurut Merriam (1998), kualitatif merupakan satu usaha untuk memahami sifat suasana dan pengalaman yang diperolehi oleh orang lain dalam sesuatu konteks. Ini bertujuan supaya pengkaji dapat memahami fenomena amalan pengurusan Islam dalam konteks realiti.

Pengetua cemerlang yang terlibat sebagai peserta kajian mengurus sekolah masing-masing di lapan buah sekolah yang berbeza yang telah dikenal pasti pada waktu persekolahan dan waktu pejabat sebenar. Maka segala perbincangan, huraian, penerangan, perbandingan hujahan dan bukti dalam hasil kajian hanya akan merujuk kepada dapatan-dapatan yang diselenggara dalam konteks yang tersebut sahaja.

Dalam konteks kajian ini, kriteria informan adalah seperti berikut:

- i. Pengetua yang dianugerahkan pengetua cemerlang.
- ii. Melibatkan diri secara sukarela selepas pengkaji menyatakan tujuan, prosedur dan etika kajian.
- iii. Ketersediaan dan kesanggupan Pengetua Cemerlang untuk berkongsi pengalaman yang dilalui dan kefahaman yang dimiliki tentang amalan

pengurusan Islam secara jujur dan terbuka dalam bentuk temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen.

- iv. Pengetua Cemerlang Melayu dan beragama Islam terdiri daripada lelaki dan perempuan.
- v. Memperlihatkan ciri-ciri keislaman dari segi keperibadian dan budaya sekolah.

Peserta kajian ini terdiri daripada lapan orang Pengetua Cemerlang yang dipilih bagi membantu pengkaji menyempurnakan kajian dan terlibat atas dasar sukarela untuk berkongsi maklumat mengenai amalan pengurusan Islam dalam kehidupan kerjaya seharian mereka. 7 orang pengetua cemerlang lelaki Melayu beragama Islam dan seorang Pengetua Cemerlang perempuan Melayu beragama Islam yang mempunyai pengalaman menjadi pengetua tidak kurang daripada 5 tahun ke atas. Jadual 1 merupakan butiran latar belakang sampel kajian yang terlibat dalam kajian ini secara ringkas yang dikemukakan dalam jadual berikut:

Jadual 1. Butiran Latar Belakang Sampel Kajian

Umur	Jantina	Agama	Jenis Sekolah	Pengalaman Sebagai Pengetua Cemerlang
56	Lelaki	Islam	Menengah Harian	10 tahun
53	Perempuan	Islam	Menengah Harian	9 tahun
59	Lelaki	Islam	Menengah Harian	10 tahun
54	Lelaki	Islam	SBP (Sekolah Berasrama Penuh)	5 tahun
58	Lelaki	Islam	SBP (Sekolah Berasrama Penuh)	9 tahun
59	Lelaki	Islam	Menengah Teknik Vokasional	9 tahun
57	Lelaki	Islam	Menengah Harian	9 tahun
57	Lelaki	Islam	Menengah Harian	8 tahun

Secara ringkasnya, peserta kajian ini mempunyai persamaan antara mereka iaitu mempunyai hubungan yang rapat dengan guru dan staf di sekolah masing-masing dan mengamalkan gaya pentadbiran mengikut situasi. Mereka mementingkan kebajikan anak buah di samping menekankan perekodan yang sistematik untuk kebaikan semua pihak. Mereka juga percaya bahawa mereka adalah suri teladan yang memberi contoh terbaik sebagai panduan dan ikutan staf bawahan mereka.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Laporan tentang kefahaman pengetua cemerlang tentang amalan pengurusan Islam di sekolah merujuk kepada persoalan kajian yang pertama iaitu apakah kefahaman pengetua cemerlang tentang amalan pengurusan Islam di sekolah? Dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa konsep kefahaman yang diamalkan mengikut pengurusan Islam oleh menekankan iaitu konsep tawhidik, budaya Itqan dan nilai insan. Setiap satu daripada konsep tersebut adalah amalan yang diamalkan berdasarkan penerangan yang dikemukakan dalam temu bual yang dijalankan serta disokong oleh pemerhatian dan analisis dokumen. Secara lebih jelas, jadual 2 mengemukakan penjelasan dan huraian setiap elemen:

Jadual 2. Elemen Kefahaman Pengetua Cemerlang Dalam Amalan Pengurusan Islam di Sekolah

Konsep	Elemen
1) Tawhidik	<ul style="list-style-type: none"> • Menitikberatkan kehadiran Illahi • Pengurusan Islam berbeza dengan Konvensional - Niat - Matlamat - Lengkap dan Sistematis (Sumber Wahyu)
2) Budaya Itqan	<ul style="list-style-type: none"> • Bersungguh-sungguh • Istiqamah • Bijak dan Cekap
3) Nilai Ihsan	<ul style="list-style-type: none"> • Sifat Muafakat • Sifat Muraqabah • Sifat Ikhlas • Sifat Amanah • Sifat Rahmatan Lilalamin

Berdasarkan dapatan kajian, didapati tiga elemen kefahaman pengetua cemerlang tentang amalan pengurusan Islam di sekolah yang diterapkan oleh pengetua cemerlang dalam pengurusan mereka. Elemen-elemen tersebut ialah konsep tawhidik, budaya itqan dan nilai ihsan.

Konsep Tawhidik

Berdasarkan dapatan, pengetua cemerlang menerapkan elemen tawhidik dengan memberi fokus kepada konsep keimanan itu sendiri. Penerapan konsep tawhidik dilihat lebih banyak diterapkan menerusi pengurusan sekolah. Sistem pengurusan itu diikat dengan konsep Tawhidik iaitu keimanan yang teguh hanya kepada Allah (s.w.t) dan Rasul-Nya, pasti sistem pengurusan akan berjalan lancar dan berkualiti.

Komitmen yang tinggi terhadap konsep Tawhidik ini turut membuahkan hasil dalam usaha memartabatkan keadilan dalam semua aspek. Hampir keseluruhan subjek kajian memperkatakan tentang konsep tawhidik iaitu pengurusan Islam merujuk contoh Nabi Muhammad s.a.w. Keimanan ialah elemen yang diterap dalam pengajaran dengan memberi fokus kepada beberapa aspek. Antara aspek utama yang difokus oleh pengetua ialah pengertian iman itu sendiri yang meliputi keyakinan di dalam hati. Ini selari dengan makna keimanan oleh Al-Nahlawi (2005) iaitu keyakinan dan pegangan yang teguh dan sekaligus disifatkan oleh Mohd Khasif Yasin (1987) sebagai akar tunjang bagi seponon pokok. Keimanan yang diterap memerlukan sokongan pemantapan ibadah dan akhlak pada diri pelajar kerana ia menjadi benteng untuk tidak mudah dipengaruhi oleh unsur-unsur negatif (Jamjoom, 2010).

Konsep tawhidik yang dikemukakan oleh pengetua cemerlang yang meliputi dua aspek penting iaitu menitikberatkan kehadiran Illahi dan menerapkan amalan pengurusan Islam berdasarkan konvensional. Elemen bagi amalan pengurusan Islam berdasarkan konvensional yang diterap oleh pengetua cemerlang tertumpu kepada tiga aspek penting. Tiga aspek tersebut ialah niat, matlamat serta sistematik dan lengkap (sumber wahyu). Pengetua cemerlang mempunyai kefahaman tentang niat dalam melaksanakan sesuatu kerja dimana terhadap hadis muslim yang pertama yang menjelaskan tentang niat "*innamalu bin niat*" yang mana semua perbuatan manusia bermula dengan niat. Selain itu kefahaman tentang niat pula adalah perbuatan apabila melakukan sesuatu adalah bergantung pada niat seperti contoh jika datang ke sekolah bertugas untuk dapat gaji, dapatlah gaji, jika niat untuk membangunkan bangsa, mendidik anak-anak untuk menjadikan insan kamil maka tercapailah niat yang dihajati. Selain itu, niat dalam ketelusan tanggungjawab amanah yang dipikul oleh pengetua cemerlang adalah sesuatu yang perlu dilaksanakan kerana Allah taala. Niat yang betul itu menyebabkan pengetua terarah dan berpandu.

Selain itu, amalan-amalan yang mulia juga perlu diterapkan seperti sidiq, amanah, tabligh, fatonah. Ini adalah kerana kefahaman tentang kepentingan mengamalkan pengurusan Islam adalah sangat ditekankan dalam mengikut ajaran dan sunnah nabi Muhammad s.a.w. Abd. Halim Tamuri (2007) menyatakan penerapan Islam dalam kehidupan diri dan pelajar perlu memiliki keimanan atau ketakwaan dalam diri pengetua. Keimanan pada diri pengetua membolehkan mereka menerapkan keimanan pada pelajar-pelajar mereka. Secara keseluruham dapat dilihat kefahaman tentang pengurusan islam sangat perlu dalam membina pengurusan system yang baik. Ini kerana segala amalan yang dilakukan akan akan selamat di dunia dan akhirat.

Dalam pengurusan Islam, pengetua menitikberatkan ajaran Nabi Muhammad s.a.w dimana amalan yang dilakukan oleh Nabi adalah contoh yang patut ditauladani. Apabila pengurusan islam sekolah berlandaskan pengurusan Islam, ia akan melahirkan pemimpin yang hebat. Selain itu, pengurusan Islam dapat memberi kefahaman tentang bagaimana seorang pemimpin mengurus orang bawahan. Segala ajaran Islam yang diamalkan akan dinilai oleh Allah s.w.t. Segala perlakuan akan dinilai dan dibalas oleh Allah swt, amalan yang baik akan dibalas dengan pahala manakala amalan tidak baik akan diberi dosa.

Pengetua cemerlang mempunyai matlamat dalam pengurusan yang dilakukan. Matlamat utama mereka adalah keutamaan dalam pengurusan. Segala apa yang dilakukan adalah untuk mendapat keredhaan dari Allah dunia dan akhirat. Sesuatu kejayaan adalah ditentukan oleh Allah swt, maka usaha, tawakal dan doa adalah penting dalam memastikan setiap yang dilakukan dengan telus ikhlas kerana Allah swt. Akhir sekali, pengetua mengharapakan dalam mencapai matlamat perlulah memastikan bahawa pelajar, guru dan pekerja dilindungi rahmat dari Allah swt agar hindari perkara yang boleh mendatangkan dosa.

Dalam konteks lengkap (sumber wahyu), ilmu yang benar dan berautoriti kedudukannya ialah ilmu yang bersumberkan wahyu (Mohd Nasir Omar, 2005). Wahyu adalah sumber ilmu yang utama kepada insan iaitu merangkumi asas akidah, akhlak, syariat dan kehidupan. Ilmu wahyu juga berperanan untuk menjelaskan perkara yang halal dan haram, membimbing insan untuk mentaati Allah s.w.t. serta membantu insan berperanan sebagai khalifah (Ahmad Al-Tal, 2005). Pengetua berkecenderungan untuk merujuk sumber ilmu yang diterap sebagai ilmu yang bersumberkan sukatan dan buku teks dan tidak menyatakannya sebagai wahyu adalah kerana ia bertepatan dengan apa yang mereka praktikkan dalam amalan pengajaran mereka. Dua bahagian ilmu yang utama iaitu ilmu fardu ain dan fardu kifayah. Pihak sekolah berusaha menyepadukan ilmu fardu kifayah seperti sains ketika menerapkan ilmu fardu ain yang rata-rata bersumberkan sukatan dan buku teks. Ini selaras dengan konsep ilmu menurut Islam iaitu semua ilmu bersumberkan Ilahi (Al-Attas, 1978). Ilmu fardu ain ialah ilmu yang wajib difahami setiap insan yang disampaikan menerusi wahyu. Ilmu fardu kifayah pula ialah ilmu yang wajib kepada sebahagian manusia iaitu ilmu yang diperolehi menerusi pemerhatian dan penyelidikan menggunakan logik dan rasional akal (Meijer , 2000).

Konsep Budaya Itqan

Konsep Itqan (kesempurnaan) amatlah dititikberatkan dengan harapan memperoleh hasil yang terbaik dan berkualiti. Maksud hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bayhaqi r.a. melalui Saydatina ‘Aisyah r.a. iaitu: “Sesungguhnya Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda yang bermaksud: Sesungguhnya Allah menyukai sekiranya

seseorang melakukan sesuatu perbuatan secara Itqan atau bersungguh-sungguh (sempurna)”. Dalam kajian ini, pengetua cemerlang mengamalkan budaya Itqan dalam pengurusan disekolah. Konsep budaya itqan merangkumi 3 elemen iaitu bersungguh-sungguh, istiqamah serta bijak dan cekap. Pengetua cemerlang menyatakan setiap apa yang dilakukan perlulah dilakukan dengan bersungguh-sungguh iaitu seperti berjihad. Setiap apa yang dilakukan, Allah memerhatikan segala tindak tanduk. Maka amalan berjihad adalah berjihad kejalan Allah dengan melaksanakan tugas dengan penuh amanah dan bersungguh-sungguh dalam mencapai objektif pengurusan sekolah.

Elemen seterusnya ialah Istiqamah dan komitmen tinggi yang merupakan salah satu faktor yang tidak kurang pentingnya dalam memastikan kelangsungan sesebuah organisasi. Bagi pengetua cemerlang kepentingan istiqamah dalam pengurusan adalah penting. Komitmen dalam sesuatu tindakan dari awal sehingga akhirnya harus dikekalkan dan dipelihara demi kesejahteraan semua pihak. Perancangan yang sistematik dan konsisten akan berbuah hasil yang seperti dirancang dengan izin dariNya. Individu yang beristiqamah tersebut akan bekerja dengan tekun, berusaha dengan giat dan gigih berjuang untuk mencapai cita-citanya dan juga mengamalkan amalan-amalan yang mulia dalam memastikan kejayaan yang telah diusahakan.

Elemen terakhir adalah bijak dan cekap dalam pengurusan. Pemimpin perlu bijak dan cekap agar pengurusan berjalan dengan lancar dan sistemaitk. Pengetua cemerlang berpendapat, pemimpin perlu bijak dalam mengambil hati dan menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi. Sikap pemimpin perlulah mempunyai sifat fathonah, bijak dan tidak mudah tertipu. Pengetua perlu bijak dalam hal urusan pengurusan dalam menguruskan mengurus karenah guru, staf dan pelajar dan perlu juga sentiasa ada idea baharu untuk membangunkan sekolah. Kerana pemimpin perlu memiliki ilmu yang tinggi dalam membentuk dan menguruskan pengurusan sekolah agar berjaya. Dalam mentadbir sekolah adalah satu cabaran, oleh itu pengetua perlu bijak dan cekap dalam mengatasi sesuatu masalah.

Konsep Nilai Ihsan

Sifat Ihsan yang perlu ada dalam setiap jiwa insan dengan berteraskan nilai ketaqwaan yang sebenar kepada Pencipta dan pesuruh-Nya. Sesungguhnya sistem pengurusan yang didokong oleh sifat Ihsan dengan nilai keimanan dan kepercayaan kepada Tuhan. Dalam pengurusan sekolah, sifat bekerjasam antara satu sama lain sangat-sangat digalakkan. Pengetua menyatakan sifat muafakat yang beliau lakukan adalah “terutama dengan berkaitan dengan syura, bermesyuarat berunding dan sebagainya.” Dari sifat ini, Pengetua menyifatkan kerjasama dengan guru dan pekerja adalah sangat baik. Ini menunjukkan sifat muafakat adalah salah satu kaedah yang dapat mencapai objektif sekilah. Komunikasi adalah penting diantara

pemimpin dan pekerja. Bagi pengetua komunikasi adalah dalam bentuk menjaga komunikasi sesama guru komunikasi sesama pelajar, komunikasi dengan ibu bapa, komunikasi dengan komuniti. Komunikasi antara satu sama lain perlu agar wujud sifat muafakat dan kerjasama dapat dilakukan dengan baik. Dalam melaksanakan sesuatu tugas yang telah diamanahkan oleh Allah swt, cabaran dan dugaan wujud agar lebih beristiqamah. Pengetua berpandangan terdapat cabaran dalam menguruskan pelajar, guru dan pekerja. Oleh itu, pengetua menggunakan kaedah dengan melakuka apa yang disukai oleh Allah yang telah dinyatakan didalam al-quaran.

Kefahaman tentang keiklasan terhadap kerja adalah menjadi keutamaan bago pengetua cemerlang. Keikhlasan bekerja perlu ada dan ia dilakukan kerana Allah s.w.t. Pengetua cemerlang mendefiniskan “ikhlas, apa yang dimaksudkan dengan kita buat sesuatu untuk disukai oleh Allah, biar Allah sayang kita, itu maknanya kita buat semat-mata kerana Allah S.W.T. Jadi dalam melaksanakan kerja, keikhlasan dalam membantu pekerja adalah penting dalam membangunkan sesebuah organisasi. Dalam surah ayat Al-Ankabut, Allah s.w.t. menceritakan bagaimana Nabi Nuh ikhlas berdakwah kepada kaumnya tanpa mengharapakan ganjaran kebendaan atau upah yang bermaksud :

Dan (Dia berkata): "Hai kaumku, Aku tiada meminta harta benda kepada kamu (sebagai upah) bagi seruanku. upahku hanyalah dari Allah dan Aku sekali-kali tidak akan mengusir orang-orang yang telah beriman. Sesungguhnya mereka akan bertemu dengan Tuhannya, akan tetapi Aku memandangmu suatu kaum yang tidak Mengetahui".

Zakaria Stapa (1997) dalam penulisannya yang bertajuk ‘Mekanisme Pembentukan Akhlak dalam Islam’ menyatakan dengan tegas bahawa elemen ikhlas ialah elemen yang sangat penting. Beliau sependapat dengan Ulwan (1996) dan ini selari dengan apa yang dikemukakan oleh pengetua bahawa elemen ikhlas ialah syarat untuk mendapatkan keredaan Allah s.w.t. Mengikut Zakaria Stapa (1997) ibadah dan akhlak yang tiada nilai ikhlas ialah ibadah dan akhlak yang tiada nilai. Ikhlas ialah elemen yang bertindak sebagai kayu ukur kepada ibadah dan akhlak yang telah digariskan Islam.

KESIMPULAN

Kajian ini mengungkap satu kefahaman menyeluruh tentang pengurusan berteraskan Islam. Penekanan dari perspektif pelaksanaan amalan dan kupasan permasalahan yang berkaitan dengan isu-isu yang berlaku dapat memperlengkapkan diri pengetua cemerlang untuk menangani cabaran dalam masyarakat moden kini. Dengan itu, ia dapat memberi gambaran yang jelas kepada para pengetua khususnya pengetua

cemerlang tentang kefahaman amalan pengurusan Islam yang sistematik. Usaha kajian ini adalah serasi dengan cabaran profesionalisme pengetua sekolah dan merupakan antara elemen perkongsian pengalaman dan idea bermakna yang boleh dimanfaatkan bersama. Oleh itu, dapatan kajian yang menerangkan fenomena kefahaman amalan pengurusan Islam oleh pengetua-pengetua cemerlang ini boleh digunapakai oleh pemimpin organisasi sekolah di Malaysia untuk dicontohi dan dijadikan model dalam usaha menjayakan sistem pengurusan iaitu dengan merealisasikan konsep pengurusan Islam yang telah jelas lebih baik dan berkesan. Dapatan kajian boleh menambahkan lagi sumber rujukan kepada pengetua sekolah dan bahan kajian ilmiah serta secara tidak langsung dapat memperkayakan khazanah ilmu berkaitan bidang pengurusan pendidikan yang Islamik.

Kajian ini dengan jelas mengemukakan elemen-elemen yang terkandung dalam kefahaman amalan pengurusan Islam oleh pengetua cemerlang dalam konteks sekolah menengah di Malaysia. Elemen-elemen kefahaman pengurusan Islam meliputi elemen tawhidik, budaya itqan dan nilai ihsan. Elemen-elemen tersebut perlu difahami, dikuasai, dihayati dan diimplementasi oleh pengetua cemerlang dalam pengurusan agar pengurusan yang terhasil ialah pengurusan yang memenuhi hasrat falsafah. Oleh yang demikian, pemahaman yang jelas tentang kefahaman dan cara amalan pengurusan Islam dapat memastikan terlaksananya pengurusan yang berkesan. Kemampuan pengetua cemerlang untuk menghayati dan melaksanakannya dalam pengurusan adalah bukti pemahaman, penguasaan dan penghayatan pengetua tersebut terhadap falsafah pengurusan Islam yang mendasari pengurusan sekolah. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan tahap profesionalisme pengetua cemerlang dan melahirkan modal insan yang berkeperibadian yang tinggi.

Penyelidikan seumpama ini dapat menjadi panduan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menentukan kursus-kursus yang bersesuaian yang perlu dijalankan bagi menyediakan pengetua-pengetua yang berbakat dan mempunyai ciri-ciri pengurus yang Islamik. Manakala pihak Pejabat Pelajaran Daerah dan Jabatan Pelajaran Negeri pula dapat menilai, merancang, melaksana dan menyediakan kursus atau program yang mantap bagi pengetua yang terpilih untuk menerajui sesebuah sekolah dengan cemerlang. Selain itu, hasil kajian ini juga diharapkan dapat dijadikan pendorong kepada kajian - kajian lain supaya budaya penyelidikan ini dapat dijadikan sumber dalam membantu peningkatan dan keberkesanan pendidikan di Malaysia.

RUJUKAN

- Abd. Halim Tamuri (2007). Islamic Education teachers' perceptions of the teaching of akhlāq in Malaysian secondary schools. *Journal of Moral Education*, 36(3), 371-386.
- Abdul Aziz, Y. (2007). *Keinsanan dalam pengurusan*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, Malaysia.
- Adanan Mat Junoh & Khairunneezam Mohd Noor (2012). Kerangka Integriti Kepimpinan Islam: Pengajaran daripada Model Kepimpinan Rasulullah SAW. Proceeding International Conference on Islamic Leadership – 2, 132- 141
- Ahmad al-Tal, Shadiyah. 2005. *Ilm al-nafs al-tarbawi*. Jordan: Dar al-Nafa'is.
- Al-Attas, M. N. (1978). *Islām and secularism*. Muslim Youth Movement of Malaysia.
- Al-Buraey, M. (1985). *Administrative development: an Islamic perspective*. Taylor & Francis.
- Al-Nahlawi (2005). *Usul al-tarbiyah al-Islamiyah wa asalibuha fi al-bait wa al-madrasah wa al-mujama*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Ayob Jantan (2005). *Pengetua sekolah yang efektif*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd
- Azlin, N. M. (2006). Amalan bidang pengetua: Satu kajian kes. Tesis Sarjana Falsafah, Jabatan Asas Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bity Salwana Binti Alias. (2009). *Analisis kompetensi, kualiti peribadi, kemahiran dan amalan pengetua dalam bidang pengurusan sekolah*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Fotopoulos, C. B., & Psomas, E. L. (2009). The impact of “Soft” and “Hard” TQM elements on quality management results. *International Journal of Quality & Reliability Management*, 26(2): 150-163.
- Jamjoom, M. I. (2010). Female Islamic studies teachers in Saudi Arabia: A phenomenological study. *Teaching and Teacher Education*, 26(3), 547-558.
- Hasan Al-Banna, M., Ab. Mumin, A. G., & Siti Arni, B. (2013). Sistem pengurusan Islam yang berkualiti mampu menjamin kepuasan pekerja: Suatu realiti dan cabaran masa hadapan. *Global Journal al-Thaqafah (GJAT)*, 3(1), ISSN 2232-0474.
- Hussein Ahmad. (2012). *Mission of public education in Malaysia: The Challenge of transformation*. Kuala Lumpur: University of Malaya pres.
- Hussein Ahmad. (2014). Cabaran transformasi pendidikan awam Malaysia (Analisis Dasar Strategik PPPM (2013-2025). In *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 15, 14-42.

- Ibrahim, I. B., & Don, Y. B. (2014). Servant leadership and effective changes management in schools. *International Journal of Scientific and Research Publications*, 4(1), 1-9.
- Jemaah Nazir Sekolah. (2004). *Standard kualiti pendidikan Malaysia – Sekolah, pernyataan standard. SKPM Edisi Disember*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Jun, M., & Cai, S. H. (2010). Examining the relationships between internal service quality and its dimensions, and internal customer's satisfaction. *Total Quality Management & Business Excellence*, 21(2): 205-223.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013- 2025*.
- Maimunah Muda. (2005). *Kepimpinan Situasi di kalangan Pengetua Sekolah Asas di Malaysia*. Tesis Sarjana Falsafah, Jabatan Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maizura Yasin. (2015). *Pemahaman amalan bertingkah laku moral dalam kalangan murid melayu tingkatan empat di Putrajaya, Malaysia*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.
- Merriam, S.B. (1998). *Qualitative research and Case Study Applications in Education*. San Fransisco: Jossey-Bass Publishers.
- Mintzberg, Henry. (1975). The managers job: Folklore and fact. *Harvard Business Review*. July-August, 49-61.
- Misyati Binti Amat Sehab (2011). *Pelaksanaan pengurusan strategik di beberapa buah sekolah menengah agama di Selangor*. Laporan Penyelidikan Ijazah Sarjana Kepengetuaan Universiti Malaya.
- Mohamed Sulaiman, Nur Arfifah Abdul Sabian & Abdul Kadir Othman. (2014). *The understanding of islamic management practices among Muslim managers in Malaysia*. *Asian Sosial Science*, 10(1), 189-193
- Mohd Nasir Omar (2005). *Akhlag dan kaunseling Islam*. Utusan Publications.
- Mohd Rofidzan Bin Abd Manap. (2008). *Kepimpinan pengetua di sebuah sekolah berasrama penuh dan sekolah menengah agama persekutuan: Satu perbandingan*. Laporan Penyelidikan Ijazah Sarjana Kepengetuaan Universiti Malaya.
- Mohd Suhaimi Mohamed Ali & Zaidatol Akmaliah Lope Pihie. (2007). *Amalan kepimpinan pengajaran pengetua sekolah menengah luar bandar*. Kertas Kerja Seminar Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-14 IAB, Genting Highlands.
- Nadiah Mohd Abdah & Azlin Norhaini Mansor (2014). *Amalan kepimpinan transformasional pengetua dan kepuasan kerja guru sekolah cemerlang di daerah Seremban*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ooi, K. B., Bakar, N. A., Arumugam, V., Vellapan, L., & Loke, A. K. Y. (2007). Does TQM influence employees' job satisfaction? *An Empirical Case*

Analysis. International, 24(1): 62-77.

- Razaleigh Muhamat@Kawangit . (2015). *Kepimpinan dan pengurusan Islam: Sejarah, teori dan pelaksanaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rodriguez-Anton, J. M., & Alonso-Almeida, M. M. (2011). Quality certification systems and their impact on employee satisfaction in services with high levels of customer contact. *Total Quality Management & Business Excellence*, 22(2): 145-157.
- Siti Sarawati Binti Johar (2006). *Gaya kepemimpinan pengetua dan hubungannya dengan tahap motivasi guru di sekolah menengah daerah Kota Tinggi*. Tesis Sarjana, UTM.
- Ulwan, A. N. (1996). *Pesan untuk pemuda Islam*. Gema Insani. Jakarta, Gema Insani Press
- Rahman, S. U., & Bullock, P. (2005). Soft TQM, hard TQM, and organisational performance relationships: an empirical investigation. *Omega*, 33(1), 73-83.
- Zakaria Stapa, (1997). Negara Malaysia yang Maju dan Berakhlak Mulia: Realitas dan Kemungkinan. *Jurnal IKIM*, 5(1), 123-147